

**PM: Kedudukan 'wanita pertama' bawah Permaisuri  
Malaysiakini.com  
June 15, 2010  
Aidila Razak**

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak hari ini menjelaskan bahawa ungkapan 'wanita pertama' yang digunakan bagi merujuk kepada isteri beliau, Datin Seri Rosmah Mansor tidak bererti bahawa kedudukannya lebih tinggi daripada Seri Paduka Permaisuri Agong.

Baga  
imanapun, jawapan bertulisnya kepada soalan yang ditimbulkan oleh ahli parlimen Batu, Tian Chua, - Najib gagal menjelaskan sama ada gelaran berkenaan wajar digunakan oleh Rosmah.

Chua dalam soalnya bertanya sama ada Perdana Menteri menyedari bahawa dengan merujuk isteri beliau sebagai 'wanita pertama' tindakan itu telah menyalahi Artikel 32, Perlembagaan Persekutuan.

Perkara 32 (2) Perlembagaan Persekutuan menyebut; "Permaisuri Yang di-Pertuan Agong (yang digelar Raja Permaisuri Agong) adalah mengambil keutamaan mengatasi segala orang lain dalam Persekutuan selepas Yang di-Pertuan Agong.

Najib dalam jawapan bertulisnya berkata: "Berdasarkan adat, budaya dan amalan protokol di Malaysia gelaran 'wanita pertama' tidaklah menjadi amalan."

"Ram  
ai yang berpendapat dalam konteks negara Malaysia, 'wanita pertama' adalah merujuk kepada Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong. Secara lateralnya pendapat tersebut adalah tidak tepat.

"Ini adalah kerana kedudukan Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong adalah lebih tinggi daripada 'wanita pertama'," kata Najib.

Isu 'wanita pertama' menarik perhatian apabila iklan berwarna dua halaman penuh memaparkan Rosmah disiarkan di New York Times pada April lalu.

Ia adalah iklan ucapan tahniah kepada 'Rosmah Mansor, Wanita pertama Malaysia' kerana menerima anugerah Keamanan dan Harmoni Antarabangsa 2010.

Menurut Bernama, kos iklan berkenaan bernilai dalam lingkungan RM580,000 hingga RM740,000, dan dibiayai oleh keluarga dan sahabat Rosmah di Amereika Syarikat dan juga di Malaysia.

Apabila kali pertama disoal oleh portal berita Nutgraph, New York Times mengakui bayaran dibuat oleh kerajaan Malaysia tetapi kemudiannya menjelaskan ia satu kesilapan.

"Kerajaan Malaysia dan mana-mana agensinya tidak terlibat sama sekali dengan iklan tersebut, sama ada dari segi perancangan, penempahan mahupun pembayaran," kata Najib.

Menurut jawapan bertulisnya itu lagi, beliau difahamkan bahawa iklan berkenaan ditempah oleh sebuah NGO Amerika bersempena dengan anugerah yang disampaikan kepada isteri beliau.

"Dengan itu, saya kira soal kos kepada kerajaan tidak timbul dan perkara ini tidak lagi menjadi persoalan," kata Najib.

Sementara itu, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz, berkata jumlah perbelanjaan keseluruhan lawatan rombongan Perdana Menteri ke Amerika dan Jepun pada April lalu adalah berjumlah RM1,887,268.13.

"Jumlah perbelanjaan lawatan ke Amerika bagi Sidang Kemuncak Keselamatan Nuklear yang diadakan 12 dan 13 April lalu ialah RM1,461,732.17 dan RM425,535.96 untuk lawatan rasmi ke Jepun pada 18 hingga 21 April lalu.

"Ia meliputi tambang kapal terbang, elaun makan, penginapan, sewa kenderaan dan perbelanjaan pelbagai," katanya dalam jawapan bertulis kepada soalan Teresa Kok (DAP-Seputeh).

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.  
Source : <http://www.malaysiakini.com/news/134566>